

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT,  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL  
KEEMPAT,  
PARLIMEN KETIGA BELAS TAHUN 2016**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH [**  
**: PUTATAN ]**  
**TARIKH : 17 OKTOBER 2016 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [ Putatan ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-

- (a) sama ada pihak Kementerian akan menggubal undang-undang yang membenarkan perkahwinan sesama seks di kalangan lesbian, gay, bisexual dan transgender (LGBT); dan
- (b) sama ada subjek nilai-nilai kekeluargaan dan "sex education" akan diajar di sekolah bagi meningkatkan kesedaran nilai kekeluargaan di kalangan muda-mudi di negara ini.

**JAWAPAN**

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI BINTI ABDUL KARIM, MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sehingga kini, Kementerian tiada perancangan untuk mencadang menggubal undang-undang yang membenarkan perkahwinan sesama jantina di kalangan LGBT kerana ragu ia mungkin mewujudkan kekeliruan gender di kalangan masyarakat.
- (b) Antara punca masalah sosial timbul adalah disebabkan kekurangan kesedaran terhadap kepentingan pendidikan reproduktif dan kekeluargaan dikalangan remaja. Menyedari hakikat ini, KPWKM telah menggubal Dasar dan Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial Kebangsaan yang telah diluluskan oleh Kerajaan pada 6 November 2009. Dasar ini bertujuan untuk melahirkan individu yang berpengetahuan dan mempunyai sikap positif dalam bidang kesihatan reproduktif dan sosial manakala Pelan Tindakannya pula menjadi panduan tindakan bersepadu pelbagai pihak yang berkepentingan untuk melaksanakan program dan aktiviti.

Lembaga Pembangunan Penduduk dan Keluarga Negara (LPPKN) iaitu agensi di bawah Kementerian telah melaksanakan Program Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEKERTI) dengan kerjasama beberapa jabatan dan agensi kerajaan seperti PEKERTI@Sekolah di mana LPPKN dengan kerjasama Kementerian Pendidikan telah melaksanakan PEKERTI sebagai aktiviti kokurikulum di sekolah untuk murid Tahun 6 iaitu selepas UPSR, pelajar Tingkatan 3 iaitu selepas PT3 (Penilaian Tahap 3) dan pelajar Pendidikan Khas di sekolah-sekolah terpilih di seluruh Malaysia mulai tahun 2012.

LPPKN juga bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan melalui Institut

**NO SOALAN: 142**

Perguruan Malaysia (IPGM) pada tahun 2014 untuk melatih para pensyarah IPGM seluruh Malaysia bagi melaksanakan program PEKERTI@IPGM. Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan pengetahuan berkaitan kesihatan reproduktif dan sosial kepada bakal guru Pendidikan Jasmani dan Kesihatan. Pengetahuan dan kemahiran ini akan dapat membantu guru ini kelak di dalam pengajaran dan pembelajaran subjek kesihatan reproduktif di sekolah.